SITUASI TERKINI

- Musim Monsun Barat Daya telah bermula pada 14 Mei 2026 dan akan berterusan sehingga September 2026 berikutan keadaan angin yang diramal mula bertiup secara konsisten dari arah barat daya ke rantau negara. Sepanjang musim ini, kadar kelembapan udara lazimnya adalah rendah menyebabkan kurangnya pembentukan awan hujan di kebanyakan tempat. Sehubungan itu, negara akan menerima jumlah hujan yang lebih rendah berbanding tempoh lain dengan bilangan hari tanpa hujan adalah lebih banyak berbanding bilangan hari hujan.

- Walau bagaimanapun, hujan lebat berserta angin kencang dan ribut petir masih boleh berlaku di kawasan barat Semenanjung, utara Sarawak dan barat Sabah, terutamanya pada awal pagi berikutan kehadiran fenomena garis badai (squall line). Ia merupakan barisan ribut petir yang terbentuk di perairan Selat Melaka dan timur Laut Cina Selatan sebelum bergerak ke kawasan daratan akibat daripada penumpuan angin dan boleh berlarutan sehingga beberapa jam.

- Semasa kemuncak musim ini pada Julai hingga September, fenomena jerebu setempat dan rentas sempadan boleh berlaku sekiranya aktiviti pembakaran terbuka tidak dikawal. Oleh itu, sebarang pembakaran terbuka perlu dielakkan bagi menghindari bencana jerebu yang boleh mencemarkan alam sekitar. Orang ramai juga disaran menggunakan air secara berhemah sepanjang tempoh ini berikutan taburan hujan yang sedikit.

Sumber : Jabatan Meteorologi Malaysia (MET Malaysia)

RAMALAN CUACA SEHINGGA 3 SEPTEMBER 2026

- Analisis terhadap model-model ramalan cuaca yang dipantau oleh Jabatan Meteorologi Malaysia (MET Malaysia) menunjukkan beberapa kawasan di Malaysia kekal berisiko mengalami cuaca berjerebu dengan jarak penglihatan yang terhad dalam tempoh sehingga 3 September 2026, susulan pengaruh angin barat daya serta jumlah titik panas yang masih tinggi di selatan Sumatera dan Kalimantan.

- Ramalan model kepekatan jerebu MyCMAQ menunjukkan Sarawak berpotensi menjadi kawasan paling terkesan, dengan kebanyakan daerah dijangka mengalami cuaca berjerebu pada tahap Tidak Sihat. Beberapa daerah juga berpotensi mencapai tahap Sangat Tidak Sihat dan Berbahaya sehingga 3 September 2026.

- Beberapa daerah di Johor, Melaka, Negeri Sembilan, Selangor, Perak, Pahang, dan Sabah juga dijangka berpotensi mengalami cuaca berjerebu pada tahap Tidak Sihat sehingga 3 September 2026.

Sumber : Jabatan Meteorologi Malaysia (MET Malaysia)

STATUS CUACA PANAS

- Bagi status cuaca panas terkini pada 30 Ogos 2026 jam 6.00 pagi, tiada daerah yang mencatatkan cuaca panas Tahap 1 seperti di **Lampiran 1**.

- Bagi tempoh dari 31 Ogos - 6 September 2026 dijangkakan corak cuaca yang sama akan berlaku di mana tiada kawasan yang dijangka mencatatkan cuaca panas Tahap 1.

- Untuk rujukan, **Tahap 1** (**berjaga-jaga**: suhu maksimum harian 35°C hingga 37°C sekurang-kurangnya 3 hari berturut-turut), **Tahap 2** (**gelombang haba**: suhu maksimum harian melebihi 37°C hingga 40°C sekurang-kurangnya 3 hari berturut-turut) dan **Tahap 3** (**gelombang haba ekstrem**: suhu maksimum harian melebihi 40°C sekurang-kurangnya 3 hari berturut-turut).

Sumber : Jabatan Meteorologi Malaysia (MET Malaysia)

STATUS JEREBU SERANTAU

- Berdasarkan kepada imej satelit NOAA-20 pada 29 Ogos 2026 jam 6.08 petang yang direkodkan oleh *Asean Specialized Meteorological Centre* (ASMC) seperti di **Lampiran 2** menunjukkan dua titik panas dikesan di Semenanjung Malaysia dan 11 titik panas dikesan di Sabah dan Sarawak. **Kalimantan menunjukkan jumlah titik panas yang masih tinggi iaitu 1,180 titik panas**, manakala 18 titik panas dikesan di Sumatera.

Sumber : ASEAN Specialised Meteorological Centre (ASMC)

STATUS PENCEMARAN UDARA

- Berdasarkan Laporan Indeks Pencemaran Udara (IPU), Jabatan Alam Sekitar (JAS) pada **30 Ogos 2026 jam 4:00 petang** seperti di **Lampiran 3**, sebanyak **18 kawasan** direkodkan mengalami pencemaran udara, dengan **Sarawak menjadi negeri yang mengalami pencemaran udara paling ketara**. **IPD Serian** mencatatkan bacaan PM2.5 tertinggi iaitu **435** dengan status **Berbahaya**, diikuti **Samarahan (336)** dan **Kuching (316)**.

- Sementara itu, **Sri Aman, Sarawak** merekodkan status **Sangat Tidak Sihat** dengan bacaan PM2.5 sebanyak **253**, diikuti **Sarikei (205)**.

- Bagi kategori **Tidak Sihat**, sebanyak **13 kawasan** direkodkan, dengan **Sibu, Sarawak** mencatatkan bacaan tertinggi iaitu **193**, diikuti **Mukah (183)**, **Bintulu (182)**, **Samalaju (175)**, **Miri (162)**, **Kapit (161)**, **ILP Miri (159)**, **Labuan (152)**, **Politeknik Kota Kinabalu, Sabah (140)**, **Limbang (124)**, **Batu Muda, Kuala Lumpur (113)**, **Johan Setia, Selangor (111)** dan **Taiping, Perak (105)**.

- Untuk rujukan, bacaan IPU **0 - 50 (baik), 51 - 100 (sederhana), 101 - 200 (tidak sihat), 201 - 300 (amat tidak sihat) dan melebihi 300 (berbahaya)**.

Sumber : Jabatan Alam Sekitar (JAS)

HEBAHAN RAMALAN KEMARAU BAGI LEMBANGAN SUNGAI

- Pada 26 Ogos 2026, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) telah mengeluarkan **hebahan ramalan kemarau** merangkumi **enam buah negeri iaitu Kedah, Sabah, Johor, Terengganu, Perlis, dan Melaka**. Hebahan ini melibatkan beberapa empangan dan lembangan sungai utama seperti Empangan Muda (10.68%) dan Empangan Ahning (45.94%) di Kedah; Empangan Timbangan (23.64%), Betotan ORS (51.85%), Milau (58.91%) dan Sepagaya (78.23%) di Sabah; Empangan Lebam (27.36%), Gunung Pulai 2 (45.24%), Upper Layang (47.96%), dan Pontian Kechil (54.42%) di Johor; Empangan Paya Peda (39.73%) di Terengganu; Empangan Timah Tasoh (32.95%) di Perlis; serta Empangan Jus (56.90%) di Melaka.

Sumber: Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS)

LAPORAN STATUS KADAR LUAHAN SUNGAI

- Bagi status kadar luahan sungai pula, stesen pemantauan kadar alir yang dikemas kini pada 26 Ogos 2026 menunjukkan Sungai Muar di Buloh Kasap, Segamat, Johor mencatatkan kadar alir di bawah normal pada tahap 20 ARI. Di samping itu, terdapat empat stesen kadar alir sungai lain yang turut berada di bawah normal pada tahap 5 ARI iaitu Sungai Selangor di Kg. Rantau Panjang Klang, Selangor, Sungai Bernam di Tanjung Malim, Selangor, Sungai Pahang di Temerloh, Pahang dan Kg. Rantau Panjang, Kemaman, Terengganu.

Sumber: Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS)

STATUS STORAN EMPANGAN

- Berdasarkan Laporan Taksiran Sumber Air Bagi Status Aras Empangan pada 26 Ogos 2026, sebanyak **tiga buah empangan kini berada pada paras Kritikal**, iaitu Empangan Timah Tasoh di Perlis, Empangan Lebam di Johor, dan Empangan Timbangan di Sabah.

- Bagi **kategori Amaran** pula, empat empangan telah direkodkan merangkumi Empangan Muda dan Empangan Ahning di Kedah, Empangan Paya Peda di Terengganu, serta Empangan Betotan di Sabah.

- Manakala bagi **kategori Waspada**, terdapat tiga negeri terjejas yang melibatkan enam buah empangan secara keseluruhan, iaitu Empangan Jus di Melaka, tiga empangan di Johor (Empangan Gunung Pulai 2, Empangan Upper Layang, dan Empangan Pontian Kechil), serta dua empangan di Sabah iaitu Empangan Milau dan Empangan Sepagaya.

Sumber: Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS)

KEMALANGAN JALAN RAYA BERKAITAN JEREBU

- Sehingga 28 Ogos 2026, sebanyak **tiga kes kemalangan jalan raya berkaitan jerebu telah dilaporkan di Sarawak**, masing-masing melibatkan Miri (12 Ogos 2026), Mukah (12 Ogos 2026) dan Sri Aman (27 Ogos 2026).

Sumber: Polis Diraja Malaysia (PDRM)

RINGKASAN PENYAKIT BERKAITAN JEREBU

- Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mencatatkan **sebanyak 2,735 kes kumulatif berkaitan penyakit akibat jerebu.** Daripada jumlah tersebut, Jangkitan Saluran Pernafasan Akut (URTI) mendominasi bilangan kes dengan 2,376 kes, diikuti oleh penyakit asma sebanyak 270 kes dan konjunktivitis sebanyak 89 kes. Setakat ini, tiada sebarang kes kematian berkaitan komplikasi akibat jerebu dilaporkan di mana-mana fasiliti KKM.

- Bagi taburan kes mengikut negeri, Sarawak merekodkan bilangan kes tertinggi iaitu sebanyak 697 kes, diikuti rapat oleh Selangor dengan 669 kes dan Melaka dengan 474 kes. Selain itu, Negeri Sembilan mencatatkan 358 kes, manakala Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan Putrajaya masing-masing melaporkan 313 kes dan 132 kes. Negeri Johor dan Kedah pula mencatatkan bilangan kes yang lebih rendah, iaitu masing-masing 81 kes dan 11 kes.

- Bagi menangani situasi ini, KKM meneruskan aktiviti pemantauan penyakit secara berterusan serta mempertingkatkan komunikasi risiko melalui pelbagai saluran seperti aplikasi MySejahtera, media sosial, televisyen, radio, laman web rasmi dan sesi pendidikan kesihatan secara bersemuka di klinik-klinik kesihatan.

- Di samping itu, Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) di kawasan terjejas yang mencatatkan Indeks Pencemaran Udara (IPU) melebihi 150 bagi tempoh melebihi 24 jam telah mengaktifkan Bilik Gerakan bagi menyelaraskan aktiviti pemantauan penyakit dan komunikasi risiko di peringkat tempatan secara lebih berfokus.

Sumber: Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)

STATUS PENUTUPAN SEKOLAH AKIBAT JEREBU

- Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Sarawak mengumumkan penutupan sementara bagi semua institusi pendidikan di bawah seliaan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Lubok Antu berkuat kuasa serta-merta pada 28 Ogos 2026. Langkah ini diambil berikutan bacaan Indeks Pencemaran Udara (IPU) berada pada paras tidak sihat. Penutupan tersebut melibatkan **30 buah sekolah** keseluruhannya, yang terdiri daripada **28 buah sekolah rendah dengan 2,242 orang murid serta dua buah sekolah menengah yang melibatkan 1,793 orang murid**.

- Bagi memelihara kesihatan dan keselamatan seluruh warga sekolah, pihak pengurusan sekolah diingatkan supaya sentiasa **mematuhi Surat Siaran KPM Bilangan 1 Tahun 2019 berkaitan pengurusan sekolah di kawasan berjerebu kritikal** serta **Surat Siaran KPM Bilangan 3 Tahun 2023** mengenai garis panduan aktiviti luar semasa cuaca panas. Institusi pendidikan juga diarah untuk terus memantau tahap IPU semasa melalui portal APIMS Jabatan Alam Sekitar dan mematuhi saranan Kementerian Kesihatan Malaysia dari semasa ke semasa.

- Sebagai maklumat tambahan, **seluruh sekolah di Malaysia** kini berada dalam tempoh **Cuti Penggal 2 Tahun 2026**, iaitu mulai **28 Ogos hingga 5 September 2026**.

Sumber : Kementerian Pendidikan

OPERASI PEMADAMAN KEBAKARAN

- Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) melaporkan **empat kes kebakaran terbuka yang melibatkan keluasan 2 hektar dan ke atas** bagi tempoh **29 hingga 30 Ogos 2026 (24 jam)** di Sabah dan Selangor, dengan jumlah keseluruhan kawasan terjejas seluas **16.19 hektar**.

- Di **Sabah**, dua kes kebakaran melibatkan kawasan **Kampung Laya-Laya, Tuaran** dan **Jalan Sapi Nangoh, Kampung Tigaman, Kota Marudu**, masing-masing melibatkan kawasan seluas **8.09 hektar**. Kesemua kawasan tersebut telah berjaya dipadamkan sepenuhnya dengan **tiada baki kawasan kebakaran**.

- Manakala di **Selangor**, dua kes kebakaran dilaporkan di **Jalan Kerongsang 1, Bandar Puteri** dan **Jalan Nova U5/97, Taman Subang Airport**, masing-masing melibatkan kawasan seluas **4.05 hektar**. Kesemua kawasan tersebut turut berjaya dipadamkan sepenuhnya dengan **tiada baki kawasan kebakaran**.

- Secara keseluruhannya, **kesemua 16.19 hektar kawasan kebakaran telah berjaya dipadamkan sepenuhnya**, melibatkan **25 anggota JBPM** serta **lima jentera dan pam**.

Sumber : Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM)

LANGKAH-LANGKAH KESIAPSIAGAAN OLEH AGENSI KERAJAAN

- Pada **21 Ogos 2026**, **Mesyuarat Penyelarasan Operasi Bencana Jerebu Bil. 1 Tahun 2026** telah diadakan bagi menyelaras tindakan dan kesiapsiagaan dalam menghadapi situasi jerebu. Mesyuarat ini telah dihadiri oleh **agensi teknikal, agensi tindak balas serta Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN)**. Antara keputusan utama mesyuarat adalah **mengaktifkan Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB) berdasarkan tahap IPU**, **memperkukuh penyelarasan maklumat dan hebahan rasmi**, **meningkatkan pemantauan aspek kesihatan dan keselamatan awam** serta **memperkemas langkah mitigasi bagi menghadapi risiko kebakaran tanah gambut**.

- Pada **30 Ogos 2026**, satu Operasi Pembenihan Awan (OPA) khas **telah dilaksanakan oleh NADMA** dengan kerjasama **Jabatan Meteorologi Malaysia (MET Malaysia), Pihak Berkuasa Penerbangan Awam (CAAM) dan Skuadron 20 Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM)** di **Pangkalan Udara Subang** bagi menyasarkan pembenihan awan di sekitar **Lembah Klang**.

- OPA ini dilaksanakan susulan **bacaan IPU melebihi 150 dalam tempoh 24 jam (28 - 29 Ogos 2026)** di kawasan sasaran. Penerbangan membawa 4 tangki larutan garam mensasarkan pembenihan awan pada di sekitar kawasan Lembah Klang sebagaimana *Notice to Airmen* (NOTAM) yang dikeluarkan oleh CAAM.

- **Seterusnya, OPA dijadualkan dilaksanakan pada 3 hingga 5 September 2026** di **Sarawak, Kedah dan Perlis**, tertakluk kepada **keadaan cuaca dan kesesuaian atmosfera**.

- **Jabatan Alam Sekitar (JAS) melaksanakan pemantauan kualiti udara secara berterusan** melalui rangkaian stesen pemantauan bagi memantau bacaan **IPU, PM2.5 dan PM10**, serta meningkatkan pemantauan ketika berlaku kemerosotan kualiti udara atau cuaca panas dan kering. Data kualiti udara turut disampaikan kepada orang awam secara masa nyata melalui saluran JAS.

- JAS turut **melaksanakan pengesanan dan siasatan *hotspot*** melalui rondaan darat, pemantauan udara dan **dron**, aduan awam serta data hotspot satelit termasuk **NOAA-20 yang dilaporkan oleh *ASEAN Specialised Meteorological Centre* (ASMC)**. Setiap *hotspot* akan disahkan di lapangan bagi memastikan kejadian kebakaran sebenar.

- Dari aspek pencegahan dan penguatkuasaan, JAS **meningkatkan rondaan di kawasan berisiko tinggi** seperti tanah gambut, tapak pelupusan sampah, kawasan pertanian dan ladang serta hutan dan belukar. Tindakan turut diambil terhadap pihak yang melakukan atau membenarkan pembakaran terbuka, termasuk **mengarahkan pembakaran dipadamkan serta-merta**. Di bawah **Seksyen 29A, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974**, kesalahan pembakaran terbuka boleh dikenakan denda sehingga **RM1 juta atau penjara sehingga lima tahun atau kedua-duanya**, tertakluk kepada peruntukan semasa.

- Selain itu, JAS melaksanakan **Pelan Tindakan Pembakaran Terbuka Kebangsaan (PTPTK)** dan **Pelan Tindakan Jerebu Kebangsaan (PTJK)** bagi memperkukuh aspek pencegahan, pemantauan dan penyelarasan tindakan antara agensi. Tindakan turut dilaksanakan berdasarkan **tahap IPU**, termasuk berkaitan aktiviti luar serta sekolah dan institusi pendidikan, di samping pemantauan terhadap **sumber pencemaran lain selain kebakaran**.

- **Pusat Kawalan Bencana Negara (NDCC)** yang beroperasi 24 jam setiap hari dan **Pusat Kawalan Bencana Negeri (SDCC)** akan sentiasa memantau situasi cuaca. Amaran bencana akan disalurkan kepada Agensi Tindak Balas dan Pegawai Daerah dari semasa ke semasa.

NASIHAT SEMASA JEREBU

- ✓ Gunakan pelitup muka apabila berada di luar sepanjang masa.
- ✓ Sentiasa membasuh muka dan bahagian kulit yang terdedah kepada jerebu dengan air bersih.
- ✓ Minum banyak air.
- ✓ Sejauh yang boleh, tinggal di dalam rumah/bangunan dan elakkan berada di luar.
- ✓ Dilarang melakukan pembakaran terbuka.
- ✓ Padamkan kebakaran kecil atau lapor ke talian 999.
- ✓ Nyalakan lampu kenderaan apabila jarak penglihatan berkurangan.
- ✓ Gunakan kemudahan hawa dingin sekiranya menaiki kenderaan anda.
- ✓ Dapatkan rawatan di hospital/klinik (pesakit asthma, sakit mata, batuk, selesema & sakit jantung) jika bertambah buruk.
- ✓ Mereka yang di dalam kumpulan berisiko tinggi hendaklah sentiasa mengambil ubat seperti yang dinasihatkan.
- ✓ Sekiranya keadaan jerebu berterusan pada tahap berbahaya, mereka yang berisiko tinggi dinasihatkan keluar dari kawasan tersebut.
- ✓ Kurangkan aktiviti luar/riadah/bersukan yang agresif.

Lampiran 1

STATUS CUACA PANAS

PADA 30 OGOS 2026 JAM 6.00 PAGI



Tahap 1	-
Tahap 2	-
Tahap 3	-

Sumber: Jabatan Meteorologi Malaysia

Lampiran 2

BILANGAN TITIK PANAS SERANTAU

PADA 29 OGOS 2026 JAM 6.08 PETANG



KAWASAN		TARIKH						
		23/8	24/8	25/8	26/8	27/8	28/8	29/8
Indonesia	Kalimantan	252	289	190	271	520	1,738	1,180
	Sumatra	119	66	81	167	176	36	18
Malaysia	Sabah & Sarawak	4	8	1	2	1	6	11
	Semenanjung	3	3	2	2	2	0	2

Petunjuk: meningkat menurun kekal

Sumber: Asean Specialized Meteorological Centre (ASMC)

Lampiran 3

INDEKS PENCEMARAN UDARA (IPU)

PADA 30 OGOS 2026 4.00 PETANG



Total Station : **68**

Good	Moderate	Unhealthy	Very Unhealthy	Hazardous	N/A
0 - 50	51 - 100	101 - 200	201 - 300	Above 300	**Not Available**
0 Stations	50 Stations	13 Stations	2 Stations	3 Stations	0 Stations

Sumber: Jabatan Alam Sekitar (JAS)